




Nusantara Rantau Ahli Sunah Waljamaah

Zakaria Stapa (Profesor Emeritus)
Pengerusi Majlis Usuluddin Malaysia



Sekalipun subjek ini sudah banyak ditulis, namun yang akan ditampilkan dalam tulisan ini mempunyai tujuan tersendiri yang perlu dipertegas secara serius meliputi dua aspek. Pertama, untuk melengkapkan pembicaraan tentang Ahli Sunah Waljamaah yang telah dibicarakan dalam ruangan ini sejak beberapa keluaran yang lepas, dan perlu diberikan penekanan bahawa Ahli Sunah Waljamaah ialah aliran yang menguasai dan mendominasi kehidupan harian ummah di rantau Nusantara ini sejak zaman berzaman. Kedua, aliran Ahli Sunah Waljamaah juga penting untuk dibicarakan, lebih-lebih lagi dalam konteks gelombang himpitan terhadap aliran Ahli Sunah Waljamaah yang muncul akhir-akhir ini, khususnya yang dibawa oleh golongan Syiah. Mereka cuba mendakwa bahawa golongan mereka yang bertapak lebih awal di rantau ini, bukannya golongan Sunni.

Oleh itu, tulisan ini amat signifikan diberikan penekanan dan penegasan agar dakwaan golongan Syiah tersebut, secara ilmiahnya dapat diketepikan. Pada asasnya, Ahli Sunah Waljamaah telah berjasa dengan memainkan peranan yang besar sebagai sumber penyatuan dan perpaduan ummah sejak dari awal kedatangan Islam ke rantau Nusantara ini. Peranan tersebutlah yang perlu dipertegas untuk menyatukan ummah yang kini sedang menghadapi kemelut perpecahan. Pasti ummah di rantau ini tidak mahu melihat kemelut perpecahan yang berterusan tanpa kesudahan hanya kerana adanya elemen atau golongan yang cuba mengganggu dan mendakwa bahawa rantau ini milik mereka. Sedangkan sejak awal kedatangan Islam lagi, rantau Nusantara ini telah dikuasai dan dimiliki oleh aliran Ahli Sunah Waljamaah.

Bagi menyangkal dakwaan ini, penemuan manuskrip akidah dan tasawuf bertajuk *Bahr al-Lahut (Bahr al-Dahut)* yang dikarang sekitar abad ke-12 Masihi oleh Syeikh Abdullah Arif telah menjadi asas utama penghujahan berkenaan. Hujah dan bukti ini dikemukakan oleh dua orang sarjana tempatan, iaitu Mahayudin Yahaya dan A. Hasjmy. Analisis Mahayudin terhadap kandungan kitab *Bahr al-Lahut* seperti yang termuat dalam buku beliau berjudul *Islam di Alam Melayu* menyimpulkan bahawa Syeikh Abdullah Arif merupakan seorang tokoh ulama Syiah berdasarkan pemikiran tasawuf falsafah yang ditulis oleh tokoh ini dalam kitab tersebut.

Walau bagaimanapun, penelitian lanjut terhadap manuskrip kitab yang dilampirkan oleh Mahayudin dalam sebuah buku lain berjudul *Naskhah Jawi: Sejarah dan Teks* mendapati Mahayudin atau A. Hasjmy atau mana-mana sarjana yang berpendapat Syeikh Abdullah Arif seorang Syiah sebenarnya telah terkeliru. Jika diteliti dari aspek akidah pegangan Syeikh Abdullah Arif dalam kitab *Bahr al-Lahut* berkenaan, beliau telah mengisbatkan sifat-sifat Allah SWT mengikut landasan akidah Ahli Sunah Waljamaah tanpa terpengaruh dengan Syiah. Malah, pada permulaan kitab seringkat sembilan muka surat ini, isinya memuatkan ilmu tentang akidah dan tasawuf. Pengaruh akidah Ahli Sunah Waljamaah sama ada salaf atau khalaf, sangat jelas kelihatan melalui penulisannya dalam kitab *Bahr al-Lahut*. Sungguhpun ringkas, kitab ini mengandungi

ajaran mentauhidkan Allah SWT melalui sifat-sifat-Nya seperti yang dicatatkan oleh Mahayudin Yahaya dalam buku beliau berjudul *Naskhah Jawi: Sejarah dan Teks*, iaitu "Allah SWT Maha Agung. Allah mempunyai zat dan sifat seperti sifat kudrat, iradat dan ilmu. Zat Allah tiada terhingga, tiada bertempat dan tiada bermasa. Zat Allah qadim. Zat Allah diibaratkan seperti cermin yang jernih (bersih)."

Petikan tersebut jelas menunjukkan bahawa pemikiran akidah Syeikh Abdullah Arif sebenarnya berasaskan akidah Ahli Sunah Waljamaah, iaitu berkaitan dengan sifat-sifat Allah SWT, seperti kudrat, ilmu, iradat, serta Allah SWT tidak bertempat atau bermasa. Kitab ini dihasilkan sekitar abad ke-12 Masihi. Hal ini diperkukuh lagi dengan pembuktian bahawa aliran Asya'irah dan Maturidiyyah yang kedua-duanya daripada aliran Ahli Sunah Waljamaah, sudah lama berkembang dengan pesat bermula dari abad ke-10 Masihi lagi, setelah kewafatan Abu al-Hasan al-Asy'ari pada tahun 941 Masihi. Sekiranya Syeikh Abdullah Arif beraliran Syiah, sudah tentu pernyataan dan penerimaan terhadap sifat Allah SWT tidak ditonjolkan kerana Syiah berpegang bahawa bagi Allah SWT tiada sifat, seperti pandangan golongan Muktazilah.

Di samping itu, bukti lain yang mengatakan bahawa Syeikh Abdullah Arif bukan seorang ulama Syiah ialah apabila beliau membawa bersamasamanya kitab *Ihya' 'Ulum al-Din* karangan Imam al-Ghazali ketika kedatangannya ke Pasai. Pandangan ini disokong oleh Wan Mohd Saghir dalam buku beliau yang berjudul *Penyebaran Islam dan Silsilah Ulama Sejagat Dunia Melayu* yang menyatakan bahawa kedatangan Syeikh Abdullah Arif di rantau ini turut membawa pemikiran Ahli Sunah Waljamaah. Beliau juga dilaporkan pernah berguru dengan ulama besar Ahli Sunah Waljamaah, iaitu Syeikh Abd al-Qadir al-Jailani.

Berdasarkan hujah ini, jelaslah bahawa Syeikh Abdullah Arif merupakan seorang tokoh ulama Ahli Sunah Waljamaah. Oleh itu, mustahil untuk mensabitkan Syeikh Abdullah Arif sebagai seorang tokoh ulama Syiah. Bukti keterangan ini sekali gus menafikan pengaruh Syiah dalam pengembangan Islam di rantau Nusantara ini.

Pengaruh aliran akidah Ahli Sunah Waljamaah, khususnya Asya'irah semakin jelas pada zaman



**Penemuan al-Attas juga telah
melakarkan sejarah yang terpenting
bagi menentukan jejak terawal
aliran pemikiran akidah Ahli Sunah
Waljamaah dalam masyarakat Melayu
sejak abad ke-16 dan 17 Masihi.”**



Kesultanan Melayu Melaka, iaitu pada abad ke-15 Masihi. Ketika pemerintahan Sultan Mansur Shah, baginda telah dihadaiahkan sebuah kitab berjudul *Dar al-Manzum (Dar al-Mazlum)* oleh Maulana Abu Bakar dari Jeddah. Seperti yang dicatatkan oleh Abdul Rahman Abdullah dalam bukunya yang berjudul *Sejarah dan Pemikiran Islam*, kitab tersebut dihantar ke Pasai untuk diterjemahkan ke bahasa Melayu. Kitab tersebut membahaskan persoalan akidah berkenaan dengan zat, sifat dan perbuatan Allah SWT. Seperti yang dicatat oleh Wan Zailan dalam tulisan beliau bertajuk "Asal Usul, Pengaruh dan Kesan Aliran al-Ash'ari dan Asha'irah di Malaysia dan Kepulauan Melayu", kitab berkenaan merupakan karangan Abu Ishaq al-Marwazi, iaitu seorang ulama mazhab Syafii yang terkemuka.

Manuskrip tertua di Nusantara yang telah dikenal pasti oleh Syed Muhammad Naquib al-Attas ialah manuskrip akidah yang bertajuk "Al-'Aqa'id al-Nasafi" karangan Imam Najmuddin al-Nasafi dalam bentuk terjemahan pada abad ke-16 Masihi. Manuskrip terjemahan ini diterjemahkan ke bahasa Inggeris oleh Syed Muhammad Naquib al-Attas dengan judul *The Oldest Known Malay Manuscript: A 16th*

Century Malay Translation of the Aqa'id al-Nasafi terbitan Universiti Malaya pada tahun 1988. Karya ini merupakan bukti paling kukuh tentang kehadiran Islam aliran akidah Ahli Sunah Waljamaah di Nusantara. Walau bagaimanapun, menurut al-Attas, kehadirannya hanya dikesan bermula dari abad ke-16 disebabkan oleh keterbatasan penemuan fakta sejarah.

Penemuan al-Attas juga telah melakarkan sejarah yang terpenting bagi menentukan jejak terawal aliran pemikiran akidah Ahli Sunah Waljamaah dalam masyarakat Melayu sejak abad ke-16 dan 17 Masihi. Al-Attas telah membatalkan penemuan yang mengatakan bahawa karya akidah pertama dan tertua ialah karya Nurudin al-Raniri yang mensyarahkan karya *Syarh al-'Aqa'id al-Nasafiyyah* dalam bahasa Melayu yang diberikan judul *Durrat al-Fara'id bi Syarh al-'Aqa'id* pada tahun 1630 Masihi. Manuskrip tertua yang ditemui al-Attas ialah sebuah manuskrip terjemahan Melayu daripada karya akidah Maturidiyyah milik Abu Hafs Umar al-Nasafi yang bertarikh antara 1591 Masihi hingga 1599 Masihi. Berdasarkan penemuan al-Attas ini, berkemungkinan pemikiran akidah masyarakat Melayu yang terawal



Manuskrip tertua di Nusantara bertajuk "Al-'Aqa'id al-Nasafi" karangan Imam Najmuddin al-Nasafi pada abad ke-16 Masihi.

di rantau ini berasaskan akidah Maturidiyyah yang bernaung di bawah aliran Ahli Sunah Waljamaah.

Lakaran pemikiran dan pengamalan aliran Ahli Sunah Waljamaah dalam kalangan ulama Melayu Nusantara seterusnya dapat dilihat lebih berkembang setelah munculnya Hamzah Fansuri (m 1590M). Kebanyakan sarjana berpendapat bahawa Hamzah Fansuri merupakan seorang ulama yang sangat terkenal dalam bidang tasawuf, tetapi mereka terlupa bahawa Hamzah Fansuri juga sebenarnya seorang tokoh ulama akidah yang membawa pemikiran Imam al-Sanusi yang menjelaskan pemikiran Asya'irah. Hamzah Fansuri memuatkan pemikiran yang dibawa ini dalam karyanya *Syarab al-'Asyiqin*. Kebanyakan para sarjana mendakwa beliau seorang tokoh tasawuf falsafah, dan menurut mereka aliran tasawuf falsafah ini dipengaruhi oleh Syiah. Antara sarjana ini termasuklah Mahayudin Yahaya, A. Hasjmy, Abdul Rahman Abdullah, Kamis bin Ismail, dan beberapa sarjana orientalis. Namun begitu, setelah diteliti *Syarab al-'Asyiqin* ini, khususnya pada bahagian awal kitab tersebut membuktikan bahawa Hamzah Fansuri bukanlah seorang yang beraliran Syiah.

Dalam karya tersebut, beliau secara jelas meletakkan asas pemikiran akidah mengikut teologi

aliran al-Asya'irah yang tulen melalui penggunaan metode Sifat Dua Puluh yang dibawa oleh al-Sanusi. Malah, beliau turut menghuraikan secara terperinci menerusi bahasa puisi yang indah untuk menjelaskan Sifat Dua Puluh ini kepada masyarakat. Fakta ini menunjukkan pemikiran akidah Hamzah Fansuri bukanlah daripada aliran Syiah seperti yang ditohmah oleh kebanyakan sarjana yang terpengaruh dengan pemikiran orientalis. Para sarjana yang menghujahkan Hamzah Fansuri dikuasai pengaruh Syiah didapati kurang teliti dalam penyelidikan mereka.

Seterusnya, dari abad ke abad muncul beberapa nama besar lain yang berperanan mengembangkan aliran Ahli Sunah Waljamaah di rantau Nusantara ini. Mereka terlibat dalam bidang penulisan buku asli sama ada dalam bahasa Melayu atau bahasa Arab, serta menterjemah kitab Arab ke bahasa Melayu untuk kegunaan masyarakat setempat. Selain itu, mereka turut terlibat dalam bidang pendidikan untuk menyebarkan ilmu yang berkaitan dengan aliran Ahli Sunah Waljamaah yang dilaksanakan menerusi institusi pengajian pondok dan pasentren.

Menerusi pendekatan yang diambil oleh para ulama Ahli Sunah Waljamaah di rantau Nusantara ini, prestasi dan kerjaya mereka amat cemerlang. Mereka menerajui dan mendominasi segenap aspek kehidupan ummah tanpa memberikan ruang kepada aliran lain untuk bertapak, seperti Syiah, Muktazilah, dan lain-lain. Walaupun ada pandangan yang cuba menghujahkan bahawa Syiah pernah memainkan peranannya pada peringkat awal kedatangan Islam ke rantau ini, namun pandangan itu tidak dapat bertahan untuk berhadapan dengan fakta yang lebih jelas.

Pada hakikatnya, Ahli Sunah Waljamaah sebenarnya yang memulakan kerjaya dakwah di rantau Nusantara ini bermula sejak kehadiran Islam, seterusnya menguasai sepenuhnya kehidupan ummah dari segenap aspek ajarannya. Perihal penguasaan dan pendominasian aliran Ahli Sunah Waljamaah di rantau Nusantara ini mestilah dipertahankan secara bersungguh-sungguh oleh umat Islam bagi menjadikannya sebagai paksi dan tunjang utama perpaduan ummah di rantau ini. DTI